

Dr Wan Azizah rai isteri pemimpin ASEAN

BERITA HARIAN 27 MAY 2025

mlk 5

Putrajaya: Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail semalam menyambut kedatangan pasangan pemimpin ASEAN di Kompleks Seri Perdana, di sini, sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46.

Antara tetamu kehormat ialah Wanita Pertama Filipina, Louise Araneta-Marcos; Le Thi Bich Tran (Vietnam), Vandara Siphandone (Laos), Dr Pich Chanmony (Kemboja) dan Loo Tze Lui (Singapura).

Yang turut hadir, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri; Timbalannya, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad dan isteri kepada Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan iaitu Datin Seri Raja Salbiah Tengku Nujumudin.

Dr Wan Azizah menganjurkan majlis makan tengah hari bagi meraikan delegasi berkenaan dan ketika berucap, beliau menzahirkan penghargaan atas kehadiran pasangan pemimpin ASEAN serta kepentingan diplomasi kebudayaan dalam memperkukuh hubungan serantau.

"Tema ASEAN tahun ini ialah 'Keterangkuman dan Kemampuan'. Sebagai pengerusi sidang

kemuncak tahun ini, Malaysia berpegang teguh kepada kepercayaan bahawa pembangunan mesti memanfaatkan setiap komuniti dan pertumbuhan kita harus menghormati manusia serta alam sekitar.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan kepentingan 'pembangunan yang benar-benar dikongsi bersama', memastikan tiada sesiapa tertinggal termasuk bukan saja peluang ekonomi, tetapi juga maruah, identiti dan kesejahteraan semua," katanya.

Dr Wan Azizah turut menekankan peranan penting pasangan pemimpin ASEAN dalam mempromosikan nilai keterangkuman dan kemampunan ketika sidang kemuncak tahun ini.

"Sebagai pasangan kepada pemimpin ASEAN, kami memainkan peranan penting dalam memupuk semangat ini.

"Melalui usaha kami dalam kebajikan masyarakat, pendidikan, seni dan budaya, kami berharap dapat menyinari semangat kasih sayang serta hubungan erat. Kami membina jambatan bukan saja antara negara, tetapi antara jiwa," katanya.

Tetamu turut menikmati persembahan *choral speaking* oleh



Dr Wan Azizah (kiri) bersama isteri pemimpin ASEAN cuba mencanting batik pada program dianjurkan sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 di Kompleks Seri Perdana, semalam.

(Foto BERNAMA)

pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Subang Utama, Subang Jaya, tarian tradisional oleh Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (JKKN) Selangor serta persembahan muzik oleh Orkestra Simfoni Kebangsaan di bawah Istana Budaya.

Program itu diakhiri dengan pameran buah-buahan anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), menonjolkan pelbagai hasil pertanian Malaysia.

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 dan mesyuarat berkaitan

berlangsung hari ini dan esok di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di ibu negara, berserta Sidang Kemuncak ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC) ke-2 dan Sidang Kemuncak ASEAN-GCC-China pertama.

BERNAMA